



JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4 (4)

26 Januari 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PENGUNAAN FRASA “PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19” DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan surat edaran rujukan JPA.BPP(S)193/6/84 Jld. 4 (3) bertarikh 20 September 2018 bagi memaklumkan penggantian frasa “**Saya Yang Menurut Perintah**” dengan frasa “**Saya Yang Menjalankan Amanah**” dalam urusan penyediaan surat kerajaan.

3. Selaras dengan Proklamasi Darurat yang dibuat pada 12 Januari 2021 yang lalu dan sejajar dengan hasrat Kerajaan supaya setiap penjawat awam menghayati dan memberi komitmen sepenuhnya kepada langkah-langkah yang diambil dalam menangani pandemik COVID-19 ini, maka Kerajaan bersetuju supaya satu frasa baharu iaitu “**PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19**” ditambah sebelum frasa “**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**” dalam semua surat rasmi Kerajaan.

Frasa ini akan digunakan selagi mana Proklamasi Darurat masih berkuatkuasa.


4. Arahan ini berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long horizontal stroke, positioned above the printed name.

(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN)

s.k,

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan